

Headline **Asas kejutkan Cobra**
Date **26. Feb 2008**
Media Title **Berita Harian**
Section **Sukan**
Circulation **217991**
Readership **762968**

Language **MALAY**
Page No **33**
Article Size **81** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**



Asas kejutkan Cobra

SKUAD Asas membuat kejutan apabila menumpaskan juara bertahan, Cobra dan sekali gus kekal di tangga teratas Liga Perdana Kesatuan Ragbi Selangor (KRS) minggu keempat musim ini.

Dalam pertemuan sengit di padang Uniten di Bangi, Asas yang membariskan kebanyakan pemain mengalahkan Cobra 22-12 yang turut menampilkan beberapa pemain kebangsaan.

Dengan kemenangan ini pasukan pelapis Kesatuan Ragbi Selangor (KRS) itu yang julung kali menewaskan lawan sejak menyertai liga tahun 2000 mengambil alih sebagai pasukan pilihan untuk menjuarai kejohanan musim ini.

Di Padang UPM Serdang, SMS Old Boys menikmati kemenangan ke-dua selepas membebasah UPM Angels 42-0 selepas mendahului 18-0 pada babak pertama.

Sementara itu, dalam satu lagi pertemuan di padang Batu Kantonmen, RSC Dog juga tidak menghadapi masalah untuk menegenepikan cabaran pasukan tercorot, KPD Tigers dengan kemenangan besar, 61-08.

Perlawanan di antara Polis Depoh dan JLJ DiRaja ditangguhkan kerana pemain Depoh diarahkan bertugas untuk Pilihan Raya Umum ke-12 mulai minggu lalu sehingga ia tamat.